

IOQRA'

Bil. 1/2022

JANUARI

eISBN : 2735-1920



**LIVE@PTAR Misi Kesukarelawan:
Duta Sosial & Kebajikan**
PTAR Shah Alam - muka 6



**Perbincangan Kolaborasi Antara
PTAR & Unit Perkhidmatan OKU**
PTAR Shah Alam - muka 10



**Library Outreach Bersama Majlis
Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022**
PTAR Alor Gajah - muka 15



**LIVE@PTDI Sembang Santai:
Dari Segamat ke England**
PTAR Segamat - muka 22



**LIVE@PTAR Better Marks Secrets
Online Databases**
PTAR Kedah - muka 33

PROMOSI@PTAR

Wi-Fi
Come Enjoy the Strongest
UiTM Library Wi-Fi keeps you ONLINE and ENTERTAINED throughout your ODL

Uitm Online Databases

1. ACM Digital Library
2. American Nuclear Society Journal (ANSJ)
3. American Society of Civil Engineers (ASCE)
4. Cengage
5. Cengage for Research
6. Elsevier
7. Elsevier ScienceDirect
8. Elsevier ScienceDirect & HealthCare
9. Elsevier ScienceDirect & HealthCare
10. Elsevier ScienceDirect & HealthCare
11. Elsevier
12. Elsevier ScienceDirect & HealthCare
13. Elsevier
14. Elsevier ScienceDirect & HealthCare
15. Elsevier
16. Elsevier ScienceDirect & HealthCare
17. Elsevier
18. Elsevier ScienceDirect & HealthCare
19. Elsevier
20. Elsevier ScienceDirect & HealthCare
21. Elsevier
22. Elsevier ScienceDirect & HealthCare
23. Elsevier
24. Elsevier ScienceDirect & HealthCare
25. Elsevier



PROGRAM LIBRARY OUTREACH "A DAY WITH PTAR TAPAH" 25 JANUARI 2022

Disediakan oleh: Nur Dayana Mohd Narwawi



Pada 25 Januari 2022 (Selasa), Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah telah menganjurkan Program Library Outreach "A Day with PTAR Tapah". Beberapa aktiviti telah diadakan sepanjang program ini berlangsung seperti "Mencari Tajuk Buku", "Meneka Ruang di PTAR Tapah" dan kuiz mengenai My Knowledge Management Portal. Di samping mempromosikan bahan bacaan yang terdapat di PTAR Tapah, program ini juga bertujuan bagi menggalakkan para pengguna terutamanya pelajar UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah untuk menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan seperti ruang-ruang yang terdapat di PTAR Tapah. Peserta juga diberikan pendedahan mengenai Portal My Knowledge Management menerusi program Library Outreach ini.



Seramai 25 orang pelajar yang terdiri daripada Fakulti Perakaunan, Fakulti Sains Gunaan dan Fakulti Sains Komputer dan Matematik telah menyertai program anjuran PTAR Tapah ini di mana mereka telah diberikan kertas yang mengandungi soalan dan perlu menjawab dengan tepat dan cepat. Di samping itu, mereka juga perlu melengkapkan kuiz mengenai Portal My Knowledge Management secara atas talian (Google Form). Seramai 4 orang pelajar telah mendapat markah yang tertinggi dan mereka diberikan hadiah. Walau bagaimanapun, saguhati turut diberikan kepada peserta yang lain sebagai tanda penghargaan PTAR Tapah kepada mereka.



Program Library Outreach "A Day with PTAR Tapah" diakhiri dengan upacara penyampaian hadiah kepada para pemenang dan peserta. Semoga penglibatan para pelajar dalam program anjuran PTAR Tapah ini dapat memberi pendedahan kepada mereka mengenai koleksi bahan bacaan yang terdapat di Perpustakaan di samping dapat memupuk minat membaca dalam kalangan mereka. Penggunaan Portal My Knowledge Management juga diharap dapat ditingkatkan dengan adanya program seperti ini.